

Perspektif Ibu Bapa terhadap Pendidikan Awal Seksual kepada Kanak-kanak

(Parents' Perspectives on Early Sexual Education to Children)

Irsyad Hazim Ahmad Hasmadi¹, Nur Sarah Mohd Muazzam², Nur Nadhrah Batrisyia Muhammad Nizam Lee³, Faieza Samat^{4*}, Tengku Elmi Azlina Tengku Muda⁵

¹Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: ihazimhasmadi@gmail.com

²Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: nursarahmuazzam@gmail.com

³Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: nadhrah.batrisyia03@gmail.com

⁴Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: faiezasamat@ukm.edu.my

⁵Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: elmiazlina@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Faieza Samat

(faiezasamat@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Pendidikan awal seksual

Kanak-kanak

Keluarga

KEYWORDS:

Early sexual education

Children

Family

CITATION:

Irsyad Hazim Ahmad Hasmadi et al. (2022).

Perspektif Ibu Bapa terhadap Pendidikan Awal Seksual kepada Kanak-kanak.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7(7), e001638.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1638>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perspektif ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan seksual dan kecenderungan ibu bapa kepada idea mendedahkan anak-anak kepada pendidikan awal seksual. Instrumen kajian adalah borang soal selidik berbentuk terbuka yang telah diedarkan secara atas talian kepada 12 orang dewasa yang mempunyai anak dalam lingkungan umur 4 hingga 7 tahun bagi mendapatkan pandangan mereka terhadap pendidikan awal seksual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua ibu bapa sedar tentang kepentingan pendidikan awal seksual dan bersedia mendidik anak mereka dengan pendidikan awal seksual di rumah. Selain itu, antara faktor yang menyebabkan ibu bapa tidak selesa dalam mendidik anak mereka dengan pendidikan seksual adalah kurang keyakinan tentang kandungan ilmu pendidikan awal seksual. Kesimpulannya, perspektif ibu bapa terhadap pendidikan awal seksual kepada kanak-kanak adalah positif.

ABSTRACT

This study aimed to identify parents' perspectives on the importance of sexual education and parents' propensity to the idea of exposing children to early sexual education. The research instrument was an open-ended questionnaire that was distributed online to 12 adults with children in the age

range of 4 to 7 years to obtain their views on early sexual education. The findings of the study show that all parents were aware of the importance of early sexual education and were willing to educate their children with early sexual education at home. In addition, among the factors that cause parents to be uncomfortable in educating their children with sexual education was lack of confidence in the content of early sexual education. In conclusion, parents' perspectives on early sexual education of to children were positive.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada perspektif ibu bapa tentang pendidikan awal seksual kepada kanak-kanak dalam persekitaran sosial di Malaysia

1. Pengenalan

Pendidikan seksual merujuk kepada pengajaran pembiakan atau reproduktif. Pendidikan seksual pada dasarnya bertujuan untuk mengenali diri sendiri dari aspek seksual dan membolehkan seseorang itu memahami apa proses yang berlaku dalam dirinya sejak dilahirkan sehinggalah menggapai alam dewasa.

Pendidikan awal seksual kepada kanak-kanak pula merupakan suatu bentuk pendidikan formal atau tidak formal dari segi seksual manusia yang memfokuskan aspek reproduktif, perlindungan dan keselamatan fizikal kanak-kanak. Pendidikan ini berobjektif menyediakan informasi, membina nilai dan jati diri, membina kemahiran interpersonal serta mengukuhkan konsep tanggungjawab terhadap tubuh badan sendiri (Wazakili, 2010). Ia merangkumi pelbagai skop seksualiti iaitu pembangunan seksual kanak-kanak, proses pembiakan manusia, kesihatan fizikal, mental, emosi dan rohani, hubungan interpersonal, cinta bersama, hubungan rapat, bahasa tubuh dan juga peranan jantina seseorang serta merupakan suatu proses pembelajaran sepanjang hayat (Ang, 2014).

Berdasarkan perangkaan Polis Diraja Malaysia bagi tempoh tiga tahun antara 2018 hingga 2020, dicatatkan sebanyak 13,272 kes rogol iaitu 59.7% manakala cabul (6,014 kes iaitu 27.04%), sumbang mahram (1,766 kes iaitu 8.07%) dan luar tabii (1,152 kes iaitu 5.18%) (Nazura et al., 2017). Semakin ramai juga kalangan kanak-kanak di Malaysia didapati pernah dianiaya dari segi gangguan seksual seperti pornografi, penyantunan seksual dan amang seksual (Yunus et al., 2018).

Kebanyakan kes penderaan seksual kanak-kanak berlaku dalam kalangan mereka yang rapat dan dikenali oleh mangsa-mangsa tersebut, namun punca utama situasi ini sering timbul adalah kerana kurangnya pendedahan tentang penjagaan keselamatan fizikal diri kepada kanak-kanak. Ibu bapa memainkan peranan yang penting sebagai ejen dalam menyampaikan maklumat kepada anak. Menurut Jin, Chen dan Yu (2019), ibu bapa merupakan pengajar yang paling berkesan di rumah di mana ibu bapa boleh mendidik anak-anak mereka tentang keselamatan diri dengan mengajar mereka mengenali sentuhan selamat dan tidak selamat. Setiap ibu bapa juga haruslah melengkapkan diri dengan ilmu berkaitan pendidikan seksual supaya mereka lebih bersedia dalam menjalankan tugas mendidik. Terdapat lima komponen yang patut ibu bapa gunakan sebagai pembelajaran asas bagi latihan mempertahankan diri kepada kanak-kanak iaitu

komponen perhubungan dalam keluarga, kesihatan emosi dan sosial, kesihatan fizikal dan reproduktif, hubungan dengan orang luar dan keselamatan diri.

Walaupun kepentingan penglibatan ibu bapa telah dijelaskan, namun masih terdapat segolongan besar ibu bapa yang tidak cenderung untuk mendidik anak-anak mereka tentang pendidikan seksual di rumah. Kebanyakan golongan di Malaysia masih melihat wanita yang sering menghadapi gangguan seksual sebagai pesalah walaupun sudah jelas bahawa mereka merupakan mangsa dalam situasi itu terutamanya dalam situasi yang mana kanak-kanak yang masih tidak mengenal erti kata seksualiti menjadi mangsa. Bagi mengelakkan kes-kes seperti ini daripada terus berlaku, ibu bapa perlu mengubah gaya fikiran yang hanya memandang negatif terhadap perkataan “pendidikan seksual” dan seterusnya harus melihat subjek ini sebagai pendidikan yang sangat wajar didedahkan kepada kanak-kanak sejak usia yang muda demi keselamatan mereka sendiri.

Oleh itu kajian ini telah dijalankan bagi mengkaji mengenal pasti tahap kesedaran dan kecenderungan ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka dengan pendidikan seksual. Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada tentang perspektif ibu bapa tentang pendidikan awal seksual kepada kanak-kanak dalam persekitaran sosial di Malaysia. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Adakah ibu bapa mempunyai kesedaran terhadap kepentingan pendidikan awal seksual kepada kanak-kanak?
- ii. Adakah ibu bapa cenderung kepada idea mendedahkan anak-anak kepada pendidikan awal seksual kepada kanak-kanak?
- iii. Apakah faktor-faktor ibu bapa tidak cenderung kepada idea mendedahkan anak-anak kepada pendidikan awal seksual?

2. Sorotan Literatur

Kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan seksual ini memainkan peranan penting bagi mengelakkan kejadian kes-kes jenayah seksual berlaku kepada kanak-kanak. Jenayah ini amat serius kerana melibatkan kesihatan mental dan fizikal kanak-kanak. Oleh itu, perkara ini tidak boleh dipandang enteng oleh ibu bapa. Sikap, kefahaman dan penglibatan ibu bapa dalam pendedahan kepada anak-anak amat penting bagi mengelakkan kanak-kanak menjadi mangsa jenayah seksual dalam diam. Menurut [Kee-Jiar dan Shih-Hui \(2020\)](#), sikap ibu bapa terhadap pelaksanaan pendidikan seksual memberikan impak yang besar kepada kesejahteraan anak-anak mereka.

Menurut kajian yang dijalankan oleh [Zarina dan Azizah \(2019\)](#), sejumlah 44 peserta (97.8%) bersetuju bahawa pendidikan seksualiti di kalangan kanak-kanak prasekolah membantu mencegah kanak-kanak daripada penderaan seksual atau tingkah laku jenayah yang berkaitan dengan seksualiti. Manakala 42 peserta (93.4%) bersetuju bahawa kanak-kanak prasekolah perlu diajar secara lisan berkaitan dengan bahagian tubuh badan seksual dan keperluan untuk menjaga alat sulit. Seramai 36 orang peserta (80%) bersetuju bahawa peranan ibu bapa adalah penting untuk memastikan kejayaan pendidikan seksualiti untuk membantu sekolah.

Di Arab Saudi, kanak-kanak menyedari kekurangan kefahaman ibu bapa mereka dalam topik pendidikan seksual dan berpendapat bahawa ibu bapa mereka tidak bersedia untuk mengadakan perbincangan tentang isu tersebut dengan mereka. Mereka juga bimbang akan potensi ibu bapa mereka memberi reaksi negatif sekiranya mereka

bertanya tentang isu pendidikan seksual yang berpunca daripada kekurangan kefahaman mereka terhadap topik tersebut (Othman et al., 2021). Di Jordan, kanak-kanak yang melaporkan bahawa mereka mendapatkan maklumat tentang isu HIV daripada ibu bapa mereka mempunyai tahap kefahaman yang lebih rendah dalam isu tersebut berbanding mereka yang mendapatkan maklumat tersebut daripada bahan bacaan dan guru-guru (Al-Khasawneh, 2013). Sementara itu, di Korea Selatan, bilangan ibu bapa yang tidak pernah memberi pendidikan seksual kepada anak-anak mereka sebanyak (59.9%) melebihi mereka yang pernah memberi pendidikan seksual (40.1%). Apabila kanak-kanak ditanya soalan berkaitan seksual, 35.5% daripada mereka menjawab bahawa ibu bapa mereka akan mendidik mereka dengan terperinci tentang topik tersebut diikuti dengan 33.3% yang menjawab bahawa ibu bapa mereka akan mengajar perkara asas tentang topik tersebut dan 8.3% berkata bahawa ibu bapa akan berkata bahawa mereka akan belajar tentang topik tersebut secara semula jadi ketika mereka membesar (Shin, Lee & Min, 2019).

Di Australia, daripada 342 orang ibu bapa, 71% daripada jumlah tersebut menyatakan bahawa pendidikan seksual merupakan topik yang penting bagi kanak-kanak. Hanya 13.5% yang menyatakan bahawa topik tersebut tidak relevan dengan umur mereka manakala 15.5% tidak mempunyai pandangan yang tetap terhadap isu tersebut (Robinson et al., 2017). Di United Kingdom pula, seramai 95% ibu bapa berpendapat bahawa perbincangan tentang kontrasepsi merupakan agenda yang penting, namun hanya 58% daripada responden tersebut telah benar-benar melakukan perkara tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun kebanyakan ibu bapa mempunyai pendapat yang cenderung ke arah memberikan pendidikan seksual kepada anak-anak mereka, mereka tidak semestinya mempraktikkan pendapat mereka tersebut (Stone & Ingham, 2002).

Hal ini juga menjadi isu bagi kebanyakan ibu bapa di Namibia yang tidak mengambil bahagian dalam perbincangan seksual dengan anak-anak mereka kerana mereka berpendapat bahawa diri mereka sendiri tidak mempunyai ilmu yang cukup dalam topik tersebut bagi mendidik anak-anak mereka tentang pendidikan seksual. Kebanyakan ibu bapa tidak bercerita dengan terbuka kepada anak-anak mereka tentang pendidikan seksual. Apabila subjek tersebut disentuh, ibu bapa akan memberikan jawapan kepada persoalan mereka tanpa penjelasan yang lengkap. Hal ini kerana topik seksualiti ini merupakan topik yang sangat sensitif dan dianggap oleh ramai sebagai topik yang mempunyai pelbagai pantang larang dan dosa. Oleh itu, ramai ibu bapa berasa tidak cekap dan tidak bersedia sama ada dari segi ilmu pengetahuan, emosi atau kedua-duanya bagi mendidik anak-anak mereka tentang perkembangan seksual, hubungan seksual dan kesihatan reproduktif dengan segala implikasi dan akibat fisiologi, fizikal dan etika yang dibawanya (Lukolo & van Dyk, 2015).

3. Metod Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan bagi mendapatkan pandangan daripada 12 orang dewasa (iaitu ibu atau bapa) yang mempunyai anak dalam lingkungan umur 4 hingga 7 tahun tentang kecenderungan mereka mendidik anak-anak mereka berkaitan pendidikan seksual di rumah. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data ialah melalui soal selidik berbentuk terbuka dengan mengedarkan borang tinjauan atas talian. Item soal selidik yang diberikan adalah seperti berikut:

- i. Adakah pendidikan seksual itu penting bagi kanak-kanak? Mengapa.

- ii. Adakah anda sebagai ibu bapa akan mendidik anak-anak anda sendiri tentang pendidikan seksual di rumah?
- iii. Sekiranya ya, apakah kaedah yang anda akan gunakan?
- iv. Terdapat ibu bapa di Malaysia masih tidak selesa untuk mendidik anak-anak mereka sendiri tentang pendidikan seksual di rumah. Pada pandangan anda, apakah faktor yang menyebabkan situasi ini?
- v. Apakah cadangan anda untuk meningkatkan kesedaran tentang pendidikan awal seksual dalam kalangan ibu bapa?

Kajian berbentuk kualitatif ini telah dijalankan bagi menyelami pendapat para responden supaya persoalan kajian terjawab dengan lengkap dan objektif kajian tercapai. Maklumat yang diperolehi daripada respons responden telah dianalisis berdasarkan pandangan mereka terhadap kepentingan pendidikan seksual kepada kanak-kanak, kecenderungan mereka mendidik anak-anak sendiri, kaedah yang digunakan, faktor kebanyakan ibu bapa tidak cenderung mendedahkan anak-anak mereka kepada pendidikan seksual serta cadangan mereka bagi membantu meningkatkan kesedaran ibu bapa di Malaysia tentang pendidikan awal seksual kanak-kanak. Semua jawapan yang diperolehi telah dikumpulkan mengikut tema dan dianalisis.

4. Hasil Kajian

Seramai 12 orang responden telah menjawab soal selidik yang diberikan. Umur responden berada dalam lingkungan 28 hingga 41 tahun.

Berdasarkan soalan yang pertama, kesemua responden bersetuju dan terdapat dua sebab kepentingan pendidikan ini yang muncul iaitu faktor pendedahan dan keselamatan kanak-kanak. Terdapat juga sesetengah responden yang mementingkan pendedahan kanak-kanak terhadap pendidikan seksual seperti mengajar fungsi alat sulit masing-masing dan had batasan sesama lelaki dan perempuan. Mereka mementingkan pendedahan ini agar *“kanak-kanak dapat mengenal pasti had batasan sosial yang selamat”* seperti yang dikatakan oleh seorang responden. Mereka juga ingin menyediakan anak-anak mereka dengan *“pengetahuan sedia ada anak dalam menghadapi alam remaja”*. Namun pendedahan yang diberikan tidak perlu diberikan secara menyeluruh tetapi pada tahap yang mampu difahami dan dicerna oleh mereka dan patut diterangkan bergantung kepada kesesuaian umur anak-anak mereka.

Faktor keselamatan juga menjadi pendorong kepada ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka dengan pendidikan seksual. Majoriti ibu bapa bersetuju bahawa keselamatan anak mereka dapat ditingkatkan sekiranya mereka mendapat pendedahan awal mengenai pendidikan seksual seperti pendapat beberapa responden iaitu:

“kita perlu beri pendedahan kepada kanak-kanak tentang apa itu gangguan seksual dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menghindarinya”

“bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa kes rogol dan gangguan seksual yg semakin berleluasa”.

Terdapat juga ibu bapa yang ingin mendidik anak-anak mereka supaya mereka *“mengelakkan diri daripada gejala negatif”* dan *“avoid unsafe practices”* pada masa hadapan.

Berdasarkan soalan kedua, kesemua responden bersependapat bahawa mereka akan mendidik anak-anak mereka sendiri tentang pendidikan seksual di rumah.

Berdasarkan soalan yang ketiga, secara keseluruhan, responden menyatakan tiga cara berbeza yang digunakan dalam mendidik anak mereka tentang pendidikan seksual iaitu dengan cara memberi penerangan secara kasual, formal dan melalui penjagaan.

Beberapa responden bersependapat bahawa mereka menggunakan cara penerangan kasual. Contohnya dengan berbual secara kasual, bercerita atau menayangkan video mesra kanak-kanak tentang bahagian sulit lelaki dan perempuan. Hal ini kerana penerangan secara kasual lebih menarik perhatian mereka dan mudah untuk difahami seperti:

“dengan mengajar mereka mengenali sentuhan selamat dan tidak selamat melalui gambarajah & video pendidikan kanak-kanak dari YouTube”.

“mengajar anak bahawa bahagian tubuh badan adalah peribadi, jangan berahsia dengan ibu bapa, mengetahui batas & cara mengelakkan seseorang itu ke arah seksualiti”

Selain itu, terdapat segelintir responden yang menggunakan penerangan secara formal. Contohnya dengan memberi penerangan secara biologikal atau fizikal, melalui gambar rajah atau secara teologi, perbezaan jantina, anatomi manusia contohnya, sistem reproduktif dan sebagainya (tanpa mengaitkan dengan persetubuhan). Kaedah teologi, ajaran agama Islam tentang batas pergaulan yang sesuai untuk sesama kanak-kanak berbanding orang dewasa. Penekanan tentang batas sosial untuk memastikan keselamatan dan kemaslahatan anak” merupakan salah satu contoh jawapan responden yang berdasarkan penerangan secara formal.

Di samping itu, terdapat juga responden yang mempraktikkan penjagaan yang ketat terhadap anak-anak mereka dengan menjaga batas pergaulan, memantau penggunaan peranti elektronik dan mendidik anak mereka supaya lebih terbuka dengan ibu bapa. Contohnya:

“menjaga gaulan batas anak-anak dan memantau penggunaan telefon bimbit”

“mengajar anak bahawa bahagian tubuh badan adalah peribadi, jangan berahsia dengan ibu bapa, mengetahui batas & cara mengelakkan seseorang itu ke arah seksualiti”

Berdasarkan soalan yang keempat, majoriti responden menyatakan bahawa salah satu faktor utama ialah mereka berasa “malu” dan isu tersebut dianggap sebagai satu isu sensitif seperti yang dinyatakan oleh seorang responden, *“It’s a sensitive issue for most”*. Terdapat juga yang *“segan untuk bercerita tentang bahagian sulit badan manusia kepada anak-anak”* yang menyebabkan mereka kurang selesa untuk mendidik anak-anak mereka sendiri.

Selain itu, sebilangan kecil responden pula berpendapat bahawa ibu bapa tiada keyakinan untuk mendedahkan isu seksual ini kepada anak-anak kecil mereka. Seperti yang dinyatakan oleh seorang responden, dia “kurang ilmu” dan seorang responden lain pula menyatakan bahawa dia “*tidak pasti jenis dan tahap informasi mengikut kesesuaian umur dan kematangan anak*”. Terdapat juga yang mengatakan bahawa ibu bapa sendiri khawatir mereka mendidik anak mereka dengan cara yang salah dan perlukan tenaga pengajar yang meyakinkan bagi mereka untuk mendidik anak mereka sendiri.

Di samping itu, terdapat juga segelintir responden yang berpendapat bahawa ibu bapa tidak sedar tentang kepentingan pendidikan awal seksual. Seorang responden berpendapat bahawa ada sesetengah ibu bapa yang “*mungkin belum sedar kepentingannya*”. Hal ini mungkin kerana kurangnya ilmu pengetahuan tentang isu seksual serta kurang pendedahan terhadap berita tentang kes-kes gangguan seksual yang berlaku yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa.

Berdasarkan soalan yang kelima, terdapat dua kaedah utama yang dicadangkan iaitu melalui usaha dari pihak kementerian dan organisasi bukan kerajaan serta bahagian multimedia. Majoriti responden mengharap bantuan daripada pihak kementerian dan organisasi bukan kerajaan untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang kepentingan pendidikan awal seksual ini kerana bantuan dari pihak ini dapat memberikan kesan yang lebih positif. Antara usaha bantuan yang boleh dilaksanakan oleh pihak kementerian ini ialah dengan menyediakan alat bantu atau kit mengajar, menerangkan erti pendidikan seksual dan mengadakan kempen berkenaan pendidikan awal seksual kanak-kanak. Sejalan dengan respons yang diberikan oleh responden iaitu:

“usaha yang mampu dilaksanakan oleh pihak kementerian ialah melalui kempen dan menyediakan alat bantu mengajar atau kit mengajar”.

Di samping itu, ibu bapa juga perlu mendidik anak-anak mereka menggunakan kaedah yang betul. Berdasarkan jawapan dari salah seorang responden:

“Parents should know that most children are very exposed to media, and we do not want the children to get the wrong idea on sexual education. Hence, parents need to find the right method of delivering the message in a proper manner such as casual talks. However, we need to set some limit so there won't be too much exposure to them”

Seterusnya beberapa responden juga memberikan cadangan supaya menggunakan multimedia sebagai pelantar untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan awal seksual kanak-kanak. Contohnya dengan memaparkan jumlah kes gangguan seksual kanak-kanak, memaparkan iklan dan mengajar tentang pendidikan seksual secara digital. Selari dengan jawapan yang diberikan oleh responden iaitu “memaparkan jumlah kes rogol atau gangguan seksual di kalangan kanak-kanak di televisyen dan media sosial supaya ibu bapa sedar bahawa kes gangguan seksual ini semakin bertambah dan sangat membimbangkan. Cara ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa bahawa anak-anak mereka boleh menjadi mangsa gangguan seksual dan ibu bapa perlu lebih tegas dalam mendidik anak-anak mereka”. Usaha ini lebih mudah untuk digunakan pada zaman sekarang di mana kebanyakan rumah mempunyai sekurang-kurangnya satu televisyen dan telefon pintar bagi setiap individu.

5. Perbincangan Kajian

Kajian yang kami jalankan telah mendapat respons seramai 12 orang dewasa yang berada dalam lingkungan umur 28 hingga 41 tahun. Majoriti responden tersebut berpendapat bahawa pendidikan seksual adalah sangat penting untuk menjamin kesejahteraan mereka dan perlu didedahkan kepada anak-anak sejak kecil lagi. Bukan itu sahaja, terdapat beberapa responden berpendapat pendedahan pendidikan seksual yang diberikan perlulah bergantung kepada kesesuaian umur anak-anak. Berdasarkan data yang diperoleh ini, kita dapat simpulkan bahawa pendedahan pendidikan seksual kepada anak-anak adalah penting demi kelangsungan kehidupan anak-anak pada dunia masa hadapan yang lebih mencabar.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan data yang diperoleh dari soal selidik tersebut, ia menunjukkan kesemua responden bersependapat bahawa mereka akan mendidik anak-anak mereka sendiri tentang pendidikan seksual di rumah. Namun, dalam mendidik anak-anak tentang pendidikan seksual, kaedah yang tepat dan efisien adalah signifikan untuk mengelakkan sebarang salah faham. Berdasarkan respons yang diperoleh, responden memberikan beberapa kaedah yang akan digunakan dalam mendidik anak-anak mereka di rumah, contohnya bercerita sambil menyelitkan isi-isi berkaitan pendidikan seksual serta menyatakan keburukannya.

Selain itu, kaedah yang digunakan oleh responden ialah penerangan secara formal. Dalam konteks ini, penerangan secara formal bermaksud penerangan secara teologi atau secara biologikal atau fizikal dengan menggunakan gambar rajah atau video khas yang bersesuaian untuk ditonton oleh kanak-kanak yang masih kecil. Hal ini secara tidak langsung dapat menyedarkan kepentingan pendidikan seksual dalam diri anak-anak mereka sekali gus mereka akan lebih peka dengan isu-isu seksual.

Walaupun terdapat pelbagai kaedah dalam mendidik anak-anak, namun masih terdapat juga ibu bapa di Malaysia yang masih tidak selesa untuk mendidik anak-anak mereka sendiri tentang pendidikan seksual di rumah. Berdasarkan pandangan responden, salah satu faktor utama yang menyebabkan ibu bapa tidak selesa untuk mendidik anak-anak mereka tentang pendidikan seksual di rumah ialah ibu bapa tiada keyakinan untuk mendedahkan isu seksual ini kepada anak-anak kecil mereka. Hal ini demikian kerana mungkin sesetengah ibu bapa tiada ilmu berkaitan pendidikan seksual ini dan khuatir mereka mendidik anak mereka dengan cara yang salah.

Sehubungan dengan itu, antara cadangan untuk meningkatkan kesedaran tentang pendidikan awal seksual kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa yang diberikan oleh responden ialah pihak kementerian dan organisasi bukan kerajaan perlulah memainkan peranan mereka dalam isu pendidikan seksual ini. Contohnya dengan melakukan kempen dan menerangkan erti pendidikan seksual kepada kanak-kanak serta menyediakan alat bantu untuk mengajar/kit mengajar. Bukan itu sahaja, segelintir responden pula mencadangkan bahawa cara yang berkesan untuk meningkatkan kesedaran ialah dengan menggunakan media sosial dan multimedia kerana berpendapat kanak-kanak generasi zaman sekarang lebih terdedah kepada media sosial dan lebih mahir dalam teknologi. Contohnya, memaparkan jumlah kes gangguan seksual kanak-kanak, memaparkan iklan dan mengajar tentang pendidikan seksual secara digital.

6. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua ibu bapa menyedari bahawa pendidikan awal seksual adalah penting namun pendedahan yang diberikan perlulah pada tahap yang mampu difahami oleh kanak-kanak dan pendedahan tersebut hendaklah diterangkan bergantung kepada kesesuaian umur anak-anak mereka. Hal ini kerana, ibu bapa berpendapat bahawa pendedahan seksual awal kanak-kanak ini adalah satu keperluan agar keselamatan anak-anak mereka lebih terjamin sekiranya tidak berada di bawah pantauan ibu bapa. Antara faktor sesetengah ibu bapa tidak selesa mendidik anak mereka sendiri dengan pendidikan awal seksual di rumah adalah mereka berasa malu dan kurang yakin untuk menyampaikan kandungan dalam pendidikan awal seksual. Ini kerana mereka khuatir mereka akan mendidik anak mereka dengan cara yang salah dan beranggapan mereka memerlukan tenaga pengajar yang berkebolehan. Dalam kajian ini juga, responden memberikan beberapa kaedah yang akan digunakan dalam mendidik anak-anak mereka di rumah, contohnya bercerita sambil menyelitkan isi-isi penting berkaitan pendidikan seksual.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada kepada semua responden yang terlibat dalam kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Penerbitan ini tidak menerima sebarang bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Al-Khasawneh, E. M., Ismayilova, L., Seshan, V., Hmoud, O., & El-Bassel, N. (2013). Predictors of human immunodeficiency virus knowledge among Jordanian youths. *Sultan Qaboos University Medical Journal*, 13(2), 232.
- Ang, C. T. (2014). *Pembinaan modul pendidikan seksualiti masalah pembelajaran peringkat menengah: Satu kajian berdasarkan analisis keperluan*. (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Jin, Y., Chen, J., & Yu, B. (2019). Parental practice of child sexual abuse prevention education in China: Does it have an influence on child's outcome? *Children and Youth Services Review*, 96, 64-69.
- Kee-Jiar, Y., & Shih-Hui, L. (2020). A Systematic Review of Parental Attitude and Preferences towards Implementation of Sexuality Education. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 9(4), 971-978.
- Lukolo, L. N., & van Dyk, A. (2015). Parents' participation in the sexuality education of their children in rural Namibia: a situational analysis. *Global Journal of Health Science*, 7(1), 35.

- Nazura Ngah, Hazwan Faisal Mohamad & Fahmy Azril Rosli. (2017, Julai 27). 13,272 Kes rogol kanak-kanak dilaporkan. *Berita Harian*. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/>
- Othman, A., Abuidhail, J., Shaheen, A., Langer, A., & Gausman, J. (2021). Parents' perspectives towards sexual and reproductive health and rights education among adolescents in Jordan: content, timing and preferred sources of information. *Sex Education*, 1-12.
- Robinson, K. H., Smith, E., & Davies, C. (2017). Responsibilities, tensions and ways forward: parents' perspectives on children's sexuality education. *Sex Education*, 17(3), 333-347.
- Shin, H., Lee, J. M., & Min, J. Y. (2019). Sexual knowledge, sexual attitudes, and perceptions and actualities of sex education among elementary school parents. *Child Health Nursing Research*, 25(3), 312.
- Stone, N., & Ingham, R. (2002). Factors affecting British teenagers' contraceptive use at first intercourse: The importance of partner communication. *Perspectives on sexual and reproductive health*, 191-197.
- Wazakili, M. (2010). Sexuality Education in HIV and AIDS Prevention: The case of disabled young people in Nyanga, South Africa.
- Yunus, N. K. M., Yazid, Z. N. A., Abd Aziz, N. N., Ali, R., & Ahmad, S. H. (2018). Influences of paedophilic and family environmental factors on paedophilia: A preliminary study. In *Proceeding-6 th Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and People with Disabilities (PICCWED 6)* (pp. 63-69).
- Zarina Eshak, & Azizah Zain (2019). The Importance of Sexuality Education to Preschool Children in Malaysia. In 13th ICLEHI 2019 Osaka Conference 058-049 Dicapai daripada <https://icsai.org/procarch/13iclehi2icolet/13iclehi-058-049.pdf>